

PERUNDANGAN DAN IMPLIKASI PENCEROBOHAN NELAYAN ASING DI PERAIRAN PANTAI TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA

*(Legislation and Implications of Foreign Fishermen's
Encroachment in the East Coast of Peninsular Malaysia)*

Mohd Radzwan Abd Razak¹
p94096@siswa.ukm.edu.my

Wan Siti Adibah Wan Dahalan²
wsa@ukm.edu.my

Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Selangor, Malaysia.^{1 & 2}

Pengarang koresponden (*Corresponding author*): ²

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Mohd Radzwan Abd Razak & Wan Siti Adibah Wan Dahalan. (2023). Perundangan dan implikasi pencerobohan nelayan asing di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(2), 191–216. [https://doi.org/10.37052/kanun.35\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/kanun.35(2)no1)

Peroleh: <i>Received:</i>	6/9/2022	Semakan: <i>Revised</i>	5/1/2023	Terima: <i>Accepted:</i>	3/4/2023	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	1/7/2023
------------------------------	----------	----------------------------	----------	-----------------------------	----------	---	----------

Abstrak

Malaysia merupakan kawasan perairan yang strategik dan kaya dengan sumber alam semula jadi yang menjadi daya tarikan kepada nelayan asing untuk menangkap ikan. Eksploitasi perikanan secara berleluasa dari negara jiran seperti Vietnam menyebabkan sumber perikanan semakin terhad dan menyusut. Kajian ini membincangkan dan mengenal pasti faktor, modus operandi dan implikasi pencerobohan nelayan asing di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Hasil kajian mendapati terdapat tiga faktor utama mendorong kepada pencerobohan, antaranya termasuklah kedudukan geografi yang luas, kepupusan spesies ikan, sosioekonomi dan tadbir urus yang kurang berkesan. Pencerobohan ini dikaitkan dengan perikanan IUU, iaitu penangkapan ikan secara haram,

tidak dilaporkan dan tidak terkawal tanpa mendapatkan kebenaran undang-undang dari sesebuah negara. Terdapat peruntukan Akta Perikanan 1985 (Akta 317) berkaitan dengan hak menangkap ikan eksklusif atau hak pengurusan perikanan bagi melindungi kawasan sempadan perairan di Malaysia daripada aktiviti pencerobohan. Modus operandi kegiatan perikanan sering dilakukan semasa musim tengkujuh dan laut bergelora yang dibantu oleh sindiket rakyat tempatan yang merancang kemasukan bot nelayan asing. Oleh itu, implikasi daripada aktiviti IUU memberi ancaman kepada keselamatan perairan maritim Malaysia, terjejas sumber pendapatan nelayan tempatan dan meningkatnya jenayah rentas sempadan.

Kata kunci: Pencerobohan, nelayan asing, perairan, modus operandi, IUU, keselamatan maritim, Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

Abstract

Malaysia is a water area that is strategic and rich in natural resources, which is an attraction for foreign fishermen to catch fish. Widespread fishery exploitation by neighbouring countries such as Vietnam has resulted in increasingly limited and declining fishery resources. This study discusses and identifies the factors, modus operandi and implications of the encroachment of foreign fishermen in the waters of the East Coast of Peninsular Malaysia. The results of the study found that there are three main factors of encroaching activities, including the vast geographical location, extinction of fish species, socio-economic needs and ineffective governance. This encroachment is associated with IUU fishing, which is illegal fishing that is unreported and unregulated without obtaining legal permission from a country. There is a provision of the Fisheries Act 1985 (Act 317) on the exclusive fishing rights or fisheries management rights to protect the Malaysian watershed from being encroached. The modus operandi of fishing activities is often carried out during the monsoon season and rough seas, assisted by a syndicate of locals who plan the entry of foreign fishing boats. The implications of IUU activities pose a threat to the security of Malaysia's maritime waters, affect local fishermen's sources of income and increase cross-border crime.

Keywords: Encroachment, foreign fishermen, waters, modus operandi, IUU, maritime security, Fisheries Act 1985 (Act 317)

PENDAHULUAN

“IUU” bermaksud penangkapan ikan secara haram (*illegal*), tidak dilaporkan (*unreported*) dan tidak terkawal (*unregulated*). Istilah perikanan IUU pada umumnya merangkumi semua jenis penangkapan ikan yang melanggar undang-undang perikanan atau berlakunya di luar jangkauan peraturan dan undang-undang perikanan (*PEW online*, 2013). Puspoayu dan Setyowati (2018), menyatakan definisi bagi perikanan IUU terdiri daripada tiga aktiviti terlarang, iaitu pertama, penangkapan ikan secara haram (*illegal*) yang merupakan aktiviti yang dijalankan oleh kapal asing atau kapal domestik di perairan sesebuah negara atau Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) yang tidak mendapat kebenaran mengikut bidang kuasa sesebuah negara serta bertentangan dengan undang-undang dan peraturannya. Aktiviti penangkapan ikan secara haram ini termasuk pemalsuan permit kapal, penggunaan peralatan terlarang dan menangkap spesies ikan yang tidak mematuhi permit yang diberikan oleh autoriti negara pesisir (*International Plan of Action to Prevent, Deter and Eliminate Illegal, Unreported and Unregulated Fishing (IPOA-IUU)*) dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (FAO, 2001).

Kedua, penangkapan ikan yang tidak dilaporkan (*unreported*), iaitu aktiviti yang dilakukan di perairan wilayah atau ZEE negara pesisir yang tidak dilaporkan atau pelaporan dengan salah dari segi data kapal, operasi kapal, bilangan tangkapan ikan yang diperolehi oleh kapal yang menjalankan aktiviti di kawasan negara pesisir kepada pengurusan atau institusi yang dibenarkan atau diberi kuasa (*International Plan of Action to Prevent, Deter and Eliminate Illegal, Unreported and Unregulated Fishing (IPOA-IUU)*) dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO, 2001). Aktiviti ini telah menyalahi peraturan yang ditetapkan dan dikenali sebagai pemindahan kapal secara haram (*illegal transshipment boat*) oleh bot nelayan asing. Aktiviti ketiga yang dilarang, penangkapan ikan yang tidak terkawal (*unregulated*) melibatkan penangkapan ikan di perairan wilayah atau ZEE secara tidak dikawal yang telah ditetapkan dalam peraturan (*International Plan of Action to Prevent, Deter and Eliminate Illegal, Unreported and Unregulated Fishing (IPOA-IUU)*) dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO, 2001). Penangkapan ikan yang dijalankan oleh kapal atau bot terlibat tanpa kewarganegaraan yang sah (tiada dokumen sah) atau tidak mengibarkan bendera negara adalah melanggar peraturan *Regional*

Fisheries Management Organizations (RFMO). Regional Fisheries Management Organizations (RFMO) ialah organisasi antarabangsa yang dibentuk oleh negara-negara yang mempunyai kepentingan penangkapan ikan di perairan antarabangsa (*international waters*), menguruskan semua stok ikan yang terdapat di kawasan tertentu dan spesies migrasi secara spesifik di seluruh kawasan geografi yang luas. Penangkapan ikan secara tidak terkawal ini tidak mempunyai langkah pemuliharaan atau pengurusan yang terpakai, dan aktiviti yang dijalankan dengan cara tidak konsisten serta tiada tanggungjawab negara untuk pemuliharaan sumber laut di bawah KUULA 1982 (*Laporan Case Study on Illegal, Unreported and Unregulated (IUU) Fishing off the East Coast of Peninsular Malaysia* 2008). Perikanan IUU merupakan aktiviti penangkapan ikan yang tidak mematuhi kewajipan pemuliharaan dan pengurusan perikanan nasional, serantau atau global. Perikanan IUU merupakan faktor penting yang berupaya menjejaskan kelestarian perikanan sama ada perikanan berskala kecil dan perindustrian, perikanan pesisir, laut dalam dan perairan serta di zon bidang kuasa sesebuah negara (*Case Study on Illegal, Unreported and Unregulated (IUU) Fishing off the East Coast of Peninsular Malaysia, 2008*).

Berdasarkan perikanan IUU, ketiga-tiga aktiviti yang dilarang ini boleh berlaku di kawasan perairan Malaysia atau ZEE sama ada oleh kapal atau bot yang dimiliki oleh nelayan tempatan atau nelayan asing. Walau bagaimanapun, kajian ini memfokuskan pencerobohan nelayan asing yang melakukan aktiviti perikanan IUU di kawasan perairan Malaysia sehingga ke sempadan perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Pantai Timur Semenanjung.

PERAIRAN MALAYSIA

Keluasan Malaysia meliputi 329,760 kilometer persegi, iaitu Semenanjung Tanah Melayu yang terletak di sebelah pantai selatan Asia, dan Sabah dan Sarawak di kawasan pantai utara-barat pulau Borneo. Kedua-dua kawasan ini dipisahkan oleh kira-kira 530 kilometer dari Laut China Selatan. Semenanjung Malaysia yang meliputi kawasan seluas 131,600 kilometer persegi, terletak di kawasan barat daya Laut China Selatan, juga dikenali sebagai salah satu laut yang paling menarik dan produktif di dunia.

Semenanjung Malaysia dibatasi oleh Selat Melaka ke barat dan Laut China Selatan di timur. Daratan pula dihubungkan oleh negara Thailand di utara, sementara Singapura terletak di hujung selatan semenanjung.

Pantai Timur Semenanjung Malaysia merangkumi negeri Kelantan di sempadan negara Thailand, diikuti oleh Terengganu, Pahang; dan Johor, yang merupakan negeri paling selatan di Semenanjung. Keluasan ZEE di pantai timur Semenanjung Malaysia menjangkau kawasan seluas 131,250 kilometer persegi (Pusat Hidrografi Nasional Malaysia, 2011).

PERAIRAN PANTAI TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA

Perairan Pantai Timur Semenanjung terletak di pelantar benua Laut China Selatan yang merupakan laut pesisir yang paling luas di dunia. Laut China Selatan dikelilingi oleh tanah daratan Malaysia, negara Thailand, Vietnam, Brunei Darussalam, Indonesia, Filipina, Taiwan dan China. Laut China Selatan mengunjur dari garisan Khatulistiwa ke 23°U dan dari 99°T ke 121°T dan merangkumi keluasan kawasannya 3.3 juta kilometer persegi (Portal Seafdec/Mfrdmndinstitutional Repository, 2019). Perairan Pantai Timur Semenanjung meliputi keluasan 35,896 kilometer persegi bagi kawasan pantai, dan 99,749 kilometer persegi bagi kawasan ZEE. Kawasan ZEE di luar pesisir pantai Terengganu ialah pengeluar petroleum utama (Ku Kassim et al., 2007).

KAWASAN PERAIRAN PERIKANAN MALAYSIA

Kawasan liputan perikanan pesisir pantai dan luar pesisir pantai adalah dalam lingkungan perairan perikanan Malaysia. Definisi perairan perikanan Malaysia telah diperuntukkan dalam Seksyen 2, Akta Perikanan 1985 (Akta 317) yang menjelaskan bahawa:

Perairan wilayah di bawah bidang kuasa Malaysia yang ke atasnya hak-hak menangkap ikan eksklusif atau hak-hak pengurusan perikanan dituntut mengikut undang-undang dan termasuk perairan dalaman Malaysia, laut wilayah Malaysia dan perairan wilayah yang terdapat dalam ZEE Malaysia (Seksyen 2, Akta Perikanan 1985 (Akta 317), Bahagian I)

Berdasarkan definisi tersebut, “perairan perikanan Malaysia” terdiri daripada tiga bidang kuasa, iaitu perairan dalaman, perairan wilayah dan ZEE. Bagi tujuan pengurusan dan pemuliharaan perikanan, liputan ruang lingkup bidang kuasa Akta Perikanan 1985 (Akta 317) meliputi seluruh perairan perikanan Malaysia. Walaupun KUULA 1982 telah menetapkan rejim undang-undang yang berbeza bagi setiap zon. KUULA 1982 juga telah memberi hak kepada mana-mana negara pesisir pantai untuk

menuntut hak terhadap ZEE sehingga 200 batu nautika. Oleh itu, wilayah maritim negara telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu perairan wilayah (*Malaysia Territorial Waters*), Zon dampungan (*Contiguous Zone*) dan ZEE.

Dalam perairan perikanan Malaysia, terdapat empat kawasan perikanan yang diperuntukkan bagi sistem perlesenan perikanan semasa. Jadual 1 menjelaskan zon menangkap ikan mengikut kelas, iaitu Kelas A (0-5 batu nautika) hanya disediakan untuk bot tradisional yang berskala kecil berbanding kapal yang lebih besar, iaitu Kelas B dan Kelas C yang diberikan kepada nelayan yang menangkap ikan jauh dari pantai (melebihi 5 batu nautika hingga 30 batu nautika). Bagi operasi penangkapan ikan laut dalam, kapal pengangkut komersil digunakan yang mempunyai lesen Kelas C2 dengan kapasiti enjin melebihi 70 GRT, iaitu lebih daripada 30 batu nautika hingga ke ZEE (Portal rasmi Jabatan Perikanan Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan <https://www.dof.gov.my/>). Pengawasan dan penyeliaan merupakan aspek penting untuk memastikan skim perlesenan, pengagihan sumber perikanan antara nelayan tradisional dan komersil kekal sebagai asas sistem zon yang telah ditetapkan.

Jadual 1 Zon perikanan Malaysia mengikut kelas, kawasan dan pemilikan.

Zon Perikanan	Kawasan	Saiz Kapal dan jenis gear
A	Kurang daripada 5 batu nautika dari pantai	Hanya menggunakan bot kecil dan peralatan menangkap ikan tradisional Diberi kuasa untuk melampaui batas 5 batu nautika sahaja
B	Antara 5 hingga 12 batu nautika	Pemilik atau kru pukut tunda yang mengendalikan dan kapasiti enjin kurang daripada 40 GRT
C	Antara 12 hingga 30 batu nautika	Pukat tunda komersil dan kapal-kapal lain dengan kapasiti enjin antara 40 dan 70 GRT
C2	Melebihi 30 batu nautika ke had luar ZEE	Kapal laut dalam dengan kapasiti enjin dalam 70 GRT dan ke atas

Sumber: Portal rasmi Jabatan Perikanan Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

FAKTOR PENCEROBOHAN NELAYAN ASING DI PERAIRAN PANTAI TIMUR SEMENANJUNG

Perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang terdiri daripada Kelantan, Terengganu dan Pahang mempunyai laut yang luas, masih kaya dengan kepelbagaian spesies ikan dan yang paling bernilai tinggi ialah sotong (temu bual bersama-sama dengan Pegawai Perikanan, Bahagian Perlindungan Sumber, Jabatan Perikanan Malaysia, Putrajaya, pada 23 November 2020). Kajian pentaksiran stok sumber perikanan di Malaysia yang dijalankan oleh pasukan penyelidik Jabatan Perikanan mencatatkan nilai biojisim (*biomass*) bagi sumber demersal, pelagik, tuna dan udang adalah sebanyak 1.8 juta tan metrik bernilai RM18.1 bilion (Dato' Hj Munir bin Hj Mohd Nawi, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia 2017). Atas faktor kekayaan sumber ini yang menyumbang kepada penceroohan nelayan asing yang tinggi sehingga menyebabkan berlakunya aktiviti perikanan IUU di kawasan perairan Laut China Selatan, terutamanya di perairan Pantai Timur Semenanjung, dan pengaruh mereka adalah kompleks dan saling berkaitan (temu bual bersama-sama dengan Pegawai Penguat kuasa, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Putrajaya, pada 26 November 2020). Menurut kenyataan Pengarah Perikanan Malaysia dalam ucapannya: -

Perikanan IUU merupakan ancaman serius untuk mencapai kelestarian jangka panjang dalam perikanan, seperti yang dijangkakan dalam Agenda 21 dan *Code of Conduct for Responsible Fisheries FAO 1995* kerana ia melemahkan usaha nasional dan serantau untuk memelihara dan menguruskan perikanan secara rasional ... Dengan menghalang percubaan bagi mengawal industri lain yang sah, perikanan IUU berisiko dalam berjuta-juta dolar pelaburan dan ribuan pekerjaan sebagai sumber ikan berharga yang habis di bawah paras yang mapan ... (Dato' Junaidi bin Che Ayub, Ketua Pengarah Perikanan, Malaysia. Bengkel FAO mengenai Perancangan Tindakan Perikanan Negara IUU, 10 - 14 Oktober 2004, Pulau Pinang, Malaysia).

Sejak Malaysia menuntut ZEE pada 25 April 1980, Akta ZEE 1984 telah digubal dan memperuntukkan kuasa kepada Malaysia bagi mengurus dan mengeksploitasi sumber hidupan laut dan bukan hidupan laut seperti yang terkandung dalam KUULA 1982 (Fasal 56 (1)(a), Bahagian V, Zon Ekonomi Eksklusif, KUULA 1982). Peruntukan kuasa ini juga termasuklah tanggungjawab dan juga hak penangkapan ikan di lautan (Fasal 56 (1)

(a), Bahagian V, Zon Ekonomi Eksklusif, KUULA 1982). Pada amnya negara pesisir pantai mempunyai hak kedaulatan terhadap sumber hidupan laut dari pantai sehingga 200 batu nautika ZEE, dan dengan tuntutan tersebut perairan negara telah bertambah dari 47,000 kepada 162,000 batu nautika persegi (Norfini, 1996). Oleh itu, hal ini akan dapat melonjakkan industri perikanan laut dalam negara dengan pertambahan pengeluaran ikan negara. Selain itu, kejayaan yang ditunjukkan oleh negara jiran, iaitu negara Thailand yang menguasai perusahaan perikanan laut dalam di Laut China Selatan juga telah memperkuatkan keyakinan kerajaan tentang potensi dan masa depan industri ini (Mohammad Raduan et al., 2011).

Walau bagaimanapun, perikanan laut dalam berhadapan dengan masalah ancaman lanun dan pencerobohan nelayan asing di kawasan ZEE. Kawasan perairan ZEE Malaysia sering sahaja dicerobohi oleh kapal (*vessel*) penangkapan ikan dari negara jiran seperti negara Thailand, Indonesia, Filipina dan Vietnam (Amin Ridzuan, 2016). Selain keadaan ini dapat memberi saingan dan mengancam kedudukan sumber di perairan ZEE negara, pencerobohan itu juga telah mengancam keselamatan para nelayan tempatan (Amin Ridzuan, 2016).

Antara faktor lain yang menyebabkan pencerobohan berleluasa melibatkan nelayan asing dari negara Thailand dan Vietnam disebabkan oleh sumber perikanan di Teluk Siam telah pupus (Norizuan, 2019). Kehabisan sumber laut di Teluk Siam disebabkan oleh eksploitasi yang berlebihan dan penerokaan bot nelayan Thailand dan Vietnam yang tidak diurus tadbir oleh sektor perikanan secara efisien (*Sinar Harian Online*, 2020). Oleh sebab eksploitasi sumber laut di ZEE perairan Malaysia masih lagi terkawal, maka mereka lebih tertarik untuk menangkap ikan di kawasan perairan Malaysia (*Sinar Harian Online*, 2020). Menurut McDorman dan Tasneeyanond (1987) menyatakan nelayan asing dari negara Thailand telah menceroboh perairan negara Burma sejak tahun 1977 lagi. Bukti ini menunjukkan negara Thailand sebuah negara yang maju dalam industri perikanan di Asia tetapi perairannya yang kecil memaksa nelayan negara Thailand menceroboh perairan negara bagi tujuan menangkap ikan secara haram (*Sinar Harian Online*, 2020). Ezzuan (2017) turut menyatakan faktor kekurangan sumber hasil laut di negara jiran pada masa sekarang menunjukkan peningkatan kemasukan nelayan asing sehingga menimbulkan kebimbangan nelayan tempatan. Sehingga kini nelayan asing yang dikesan paling aktif menceroboh perairan Malaysia untuk memungut sumber laut negara adalah dari negara Vietnam (*Sinar Harian Online*, 2020).

Walaupun pengawasan sentiasa dilakukan tetapi jarak di antara ZEE sempadan perairan Malaysia dengan negara jiran seperti Thai dan Vietnam yang dekat memudahkan mereka memasuki perairan negara. Hal ini dapat dibuktikan dengan statistik tangkapan oleh Jabatan Perikanan Malaysia sejak tahun 2004 hingga 2017 sebanyak 1162 kes tangkapan bot asing pelbagai negara, iaitu Indonesia, negara Thailand dan Vietnam dengan nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM81.3 juta yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi penguat kuasa negara (Jabatan Perikanan Malaysia. “Kerajaan Berusaha Menangani Pencerobohan Nelayan Asing ke Perairan Malaysia” 2017).

Menurut Ojamaa (2018) aktiviti perikanan di Vietnam hanya berlaku di kawasan pesisir (sungai, lagun dan hingga 4–5 batu nautika dari pantai) serta memancing ikan di pantai sejauh 3260 km pesisir pantai negaranya. Walau bagaimanapun, menurut (Suhaimi, 2019a) nelayan asing dari Vietnam sentiasa menceroboh perairan Malaysia kerana kerajaan negara itu sendiri menggalakkan rakyatnya pergi menangkap ikan di luar negara mereka. Keadaan ini berlaku kerana perairan negara mereka tidak mempunyai sumber laut yang banyak seperti perairan Malaysia. Setiap hari puluhan buah bot laut dalam akan keluar ke laut dan menunjukkan betapa sangat seriusnya golongan nelayan asing ini berusaha menangkap ikan ke merata tempat seluruh dunia termasuk di perairan Laut China Selatan. Laporan Pertubuhan Makanan dan Pertanian PBB (FAO) 2016, menyatakan Vietnam merupakan pengeksport ketiga terbesar di seluruh dunia selepas China dan Norway serta mengambil alih tempat negara Thailand sebagai pengeksport terbesar di Asia Tenggara. Nilai eksport meningkat tiga kali ganda daripada 2444 bilion USD pada tahun 2004 kepada 8029 bilion USD pada tahun 2014, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 12.6% (Food And Agriculture Organization of the United Nations (FAO) report, 2016).

Pencerobohan nelayan asing dalam aktiviti perikanan IUU berlaku di seluruh dunia, termasuk di perairan ZEE sesebuah negara pesisir. Dengan tiada pengehadan terhadap pemilikan kapal atau pengawalan oleh pemain industri perikanan akan menyebabkan kawasan pesisir menjadi terlalu sesak dengan kapasiti bot nelayan penangkapan ikan domestik yang ada. Maka, bot yang berkapasiti tinggi akan digerakkan ke laut lepas seterusnya masuk ke perairan negara ketiga (sebahagian besar negara sedang membangun). Selain itu, terdapat tempat atau lubuk perikanan (*hot spot*) IUU yang menjadi tumpuan nelayan asing. Keadaan ini disebabkan oleh kekurangan dasar dan langkah penguatkuasaan tempatan atau wilayah yang longgar

yang diambil kesempatan oleh nelayan asing terhadap pengawalan industri perikanan komersil dan rejim penguatkuasaan yang lemah di laut. Pemilik atau pengendali bot nelayan asing yang menjalankan aktiviti perikanan IUU ini akan mengeksploitasi apa-apa sahaja keadaan dan mengerakkan bot di sekitar laut dengan cepat (*PEW online*, 2013).

Menurut Tsamenyi dan Hanich (2008), keadaan sosioekonomi dan tahap tadbir urus yang tidak berkesan akan mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk memudahkan berlakunya perikanan IUU. Sebagai contoh, kekurangan ketelusan dalam membuat keputusan kerajaan, pemberian sesuatu kepada pegawai, penyelewengan subsidi bahan api, perbezaan sikap budaya dan merendahkan taraf profesionalisme dan kelakuan etika dalam perkhidmatan awam, memberikan alasan yang kukuh untuk berlakunya rasuah berhubung dengan pentadbiran pengurusan perikanan (Tsamenyi & Hanich, 2008). Negara yang mempunyai perairan yang kaya dengan sumber laut, tahap kemiskinan dan rasuah yang tinggi dilihat sangat terdedah kepada amalan untuk akses kepada perikanan yang tidak teratur dan sering dikaitkan dengan perikanan IUU (Rosello, 2016). Arnakim dan Shabrina (2019) pula menyatakan perikanan IUU sangat sukar dikendalikan dan bukan sahaja berkaitan dengan jenayah rentas sempadan seperti pemerdagangan manusia tetapi juga mekanisme penguatkuasaan undang-undang (autoriti) telah dijangkiti rasuah apabila pelaku sering menyogok pegawai penguat kuasa untuk menggunakan perairan tanpa rasa takut untuk didakwa.

Menurut Hafiz (2017), kegiatan menggunakan khidmat orang tengah (*runner*) yang bertanggungjawab menyogok pihak penguat kuasa untuk melepaskan diri daripada tindakan undang-undang. Beliau menyatakan ejen dalam kalangan penguat kuasa yang dilantik oleh sindiket antarabangsa akan muncul apabila nelayan asing yang menceroboh perairan negara di tahan oleh penguat kuasa seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) atau Jabatan Perikanan. Kehadiran ejen ini menjejaskan industri perikanan negara yang dilihat pada tahap membimbangkan apabila kehadiran nelayan asing tidak pernah susut walaupun operasi penguatkuasaan dilaksanakan (Norizuan, 2019).

MODUS OPERANDI PENCEROBOHAN NELAYAN ASING DI PERAIRAN PANTAI TIMUR SEMENANJUNG

Isu pencerobohan nelayan asing yang melakukan aktiviti perikanan IUU di sempadan perairan negara di Pantai Timur Semenanjung Malaysia merupakan masalah yang telah sekian lama berlaku dan masih berlaku

merupakan isu nasional memandangkan hal ini melibatkan isu keselamatan dan kedaulatan maritim (temu bual bersama Timbalan Pengarah Bahagian Keselamatan dan Kedaulatan Maritim, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya pada 4 Januari 2021). Kehadiran nelayan asing dari Vietnam yang mencero boh ke perairan negara telah memberi impak kepada isu keselamatan dan kedaulatan negara (temu bual bersama Timbalan Pengarah Bahagian Keselamatan dan Kedaulatan Maritim, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya pada 4 Januari 2021). Nelayan asing terutamanya dari Vietnam bermaharajalela di Laut China Selatan terutamanya di perairan Kelantan, Terengganu dan Pahang (Mohd Hazrizal, 2019). Walaupun pihak kerajaan telah melakukan pelbagai inisiatif dan strategi baharu untuk menangani kegiatan pencerobohan nelayan asing seperti pelaksanaan operasi oleh agensi penguat kuasa sedia ada, operasi bersepadu antara agensi penguat kuasa, penggunaan peralatan berteknologi bagi mengesan nelayan asing dan hubungan kerjasama diplomatik antara negara pesisir, pencerobohan ini tetap berlaku dan masih berleluasa (Mohd Hazrizal, 2019). Pencerobohan nelayan asing berlaku pada setiap hari apabila bot nelayan asing secara bebas melakukan aktiviti menangkap ikan secara haram di antara negara-negara pesisir pantai.

Menurut Mohd Nasaruddin (2019) kerajaan perlu mengambil tindakan agresif untuk membendung isu ini memandangkan kes pencerobohan nelayan asing masih berlaku walaupun pelbagai aktiviti penguatkuasaan dilakukan membabitkan pelbagai agensi penguatkuasaan yang menjaga perairan negara. Operasi bersepadu yang dikenali sebagai Op Naga dilancarkan bagi memfokuskan perairan Pantai Timur Semenanjung dan operasi ini akan berterusan sehingga aktiviti pencerobohan nelayan asing ini dibanteras secara maksimum (temu bual bersama Pegawai Perikanan, Bahagian Perlindungan Sumber, Jabatan Perikanan Malaysia, Putrajaya, pada 23 November 2020). Kerajaan Malaysia melalui Wisma Putra telah mengemukakan nota bantahan kepada Duta Vietnam ke Malaysia bagi menyatakan bantahan Malaysia terhadap pencerobohan yang berulang dan diminta mengambil langkah drastik untuk memperbetul keadaan. Sebanyak 748 buah bot nelayan asing dan 7203 orang awak-awak Vietnam telah ditahan sejak 2006 hingga 2019 (YM Raja Dato' Nushirwan Zainal Abidin, Timbalan KSU Kementerian Luar Negeri semasa Mesyuarat bersama Duta Vietnam ke Malaysia Le Quy Quynh pada 08 Mei 2019 di Putrajaya).

Pencerobohan nelayan asing terutamanya dari negara Vietnam di perairan Malaysia telah memberi ancaman kepada masyarakat maritim dalam negara malah telah melanggar kedaulatan dan integriti wilayah Malaysia (temu bual bersama Timbalan Pengarah Bahagian Keselamatan dan Kedaulatan Maritim, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya pada 4 Januari 2021, temu bual bersama Pegawai Perikanan, Bahagian Perlindungan Sumber, Jabatan Perikanan Malaysia, Putrajaya, pada 23 November 2020 & temu bual bersama Pegawai Operasi/ Risik, Pasukan Polis Marin, Ibu Pejabat PDRM, Bukit Aman, pada 20 November 2020). Termasuk melanggar Undang-undang antarabangsa mengikut peruntukan yang berkaitan dengan Konvensyen PBB mengenai Undang-Undang Laut Antarabangsa (KUULA, 1982). Nelayan asing dari negara Vietnam merupakan nelayan yang masih berdegil dan terus menceroboh perairan Pantai Timur Semenanjung walaupun negara tersebut telah mendapat kad kuning (*yellow card*) dan diberi amaran daripada Kesatuan Eropah (EU) pada Oktober 2017 (Vathani, 2019). Nelayan asing ini seolah-olah tidak serik walaupun tangkapan telah dilaksanakan banyak kali oleh APMM, TLDM, PPM dan Jabatan Perikanan Malaysia (Mohd Hazrizal, 2019).

Modus operandi yang digunakan oleh nelayan asing untuk menceroboh masuk ke perairan Malaysia pada kebiasaannya pada musim tengkujuh dan ketika itu laut dalam keadaan bergelora serta cuaca tidak menentu (Anon, 2016). Dalam keadaan ini mereka mengambil peluang kerana beranggapan penguat kuasa tidak mampu untuk ke laut dan ketika ini juga nelayan tempatan tidak turun ke laut atas faktor keselamatan. Dalam musim tengkujuh bot nelayan asing akan menceroboh perairan Terengganu dalam tempoh beberapa hari untuk menangkap ikan secara haram kerana terdapat banyak ikan gred A dan bermutu tinggi ketika itu. Dalam tangkapan yang dibuat oleh agensi penguat kuasa telah menemui ikan gred A seperti cermin, haruan tasik, ikan yu serta spesies yang dilindungi dan tidak banyak di perairan Terengganu, iaitu ikan layaran (Rosli, 2019). Menurut Mukhtar (2019a) nelayan asing ini akan menceroboh ketika musim mencandat sotong pada bulan Mac hingga Jun. Musim yang dinantikan-nantikan oleh mereka kerana banyak sotong yang berkualiti tinggi berada di perairan Pantai Timur dan harganya mencecah RM100 hingga RM300/kg yang menjadi tarikan utama nelayan asing khususnya dari negara Vietnam yang kerap menceroboh perairan negara untuk melakukan aktiviti haram ini (Mukhtar, 2019a). Kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan mendapati sebanyak 800 tan matrik sotong dari perairan Malaysia telah

dieksport ke negara Jepun setiap tahun yang dihantar oleh nelayan Vietnam disebabkan oleh permintaan yang tinggi oleh negara pembeli dan mereka sanggup membayar kepada nelayan Vietnam (temu bual bersama Pegawai Perikanan, Bahagian Perlindungan Sumber, Jabatan Perikanan Malaysia, Putrajaya, pada 23 November 2020 dan temu bual bersama Pegawai Operasi/Risik, Pasukan Polis Marin, Ibu Pejabat PDRM, Bukit Aman, pada 20 November 2020). Selain itu, nelayan asing Vietnam menyasarkan hasil tangkapan kepada negara China dan Taiwan kerana mendapat permintaan tinggi daripada pembeli, dan mereka tidak serik memasuki perairan negara walaupun beberapa kali pernah ditangkap (Mukhtar, 2019a).

Menurut Suhaimi (2019b), pelantar cari gali minyak di perairan Terengganu ialah pusat penghasilan sumber kewangan serta menjadi kepentingan kepada ekonomi utama negara. Di perairan Terengganu mempunyai sebanyak 156 pelantar minyak dan gas yang merupakan lubuk dan tempat pembiakan ikan dan ekosistem yang lain serta mempunyai hasil laut berkualiti. Kawasan ini sering menjadi tumpuan nelayan asing dari Vietnam. Terdapat risiko dari segi keselamatan disebabkan banyaknya nelayan asing berada di sekitar pelantar minyak tersebut (Laksamana Dato' Sri Zulkifili, 2018). Pelantar cari gali minyak ialah tempat yang kaya dengan sumber perikanan dan menjadi sasaran pencerobohan nelayan asing terutamanya nelayan Vietnam. Kawasan pelantar cari gali minyak merupakan kawasan sasaran penting. Kehadiran begitu banyak bot nelayan dari Vietnam di kawasan ini mengancam nyawa dan keselamatan pekerja pelantar minyak serta nelayan tempatan kerana dipercayai ada dalam kalangan mereka ini bersenjata (Suhaimi, 2019b).

Nelayan asing terutamanya dari Vietnam semakin berani menyusup masuk ke perairan Malaysia malah mereka didakwa memiliki “peralatan khas” mengesan kehadiran bot penguat kuasa negara (Kandau, 2018). Terdapat sindiket antarabangsa yang disyaki mengatur pergerakan bot nelayan asing dan tempatan untuk mengaut hasil laut negara. Sindiket ini dipercayai membiayai dan membekalkan tenaga buruh warga asing sebaik bermulanya operasi dan mengaut keuntungan dengan memastikan setiap hasil laut yang berkualiti tidak didaratkan di dalam negara malah dibawa pulang ke negara jiran (temu bual bersama Pegawai Perikanan, Bahagian Perlindungan Sumber, Jabatan Perikanan Malaysia, Putrajaya, pada 23 November 2020). Menurut Hafiz (2017), kegiatan sindiket yang dijalankan mengambil setiap awak-awak bot yang terdiri daripada warga Vietnam dengan menggunakan permit penangkapan ikan milik rakyat tempatan. Mereka diupah atas kepakaran di laut tetapi setelah tangkapan

diperoleh hasilnya tidak dibawa pulang sebaliknya diserahkan ke kapal asing di tengah laut secara pemindahan (*transshipment*) untuk dibawa ke negara jiran. Kegiatan ini turut diakui Ketua Pengarah APMM yang turut mengesahkan kewujudan sindiket yang memantau serta mengatur pergerakan nelayan di perairan Malaysia (Laksamana Dato' Sri Zulkifli, 2018). Selain itu, modus operandi yang digunakan dengan memasuki perairan negara secara berkumpulan, iaitu sekurang-kurangnya lebih daripada 10 buah bot nelayan. Apabila tangkapan dibuat hanya sebuah atau dua buah bot yang dapat ditahan dan yang lain cuba melarikan diri sejurus melihat kapal agensi penguat kuasa (temu bual bersama Pegawai Perikanan, Bahagian Perlindungan Sumber, Jabatan Perikanan Malaysia, Putrajaya, pada 23 November 2020 dan temu bual bersama Pegawai Operasi/Risik, Pasukan Polis Marin, Ibu Pejabat PDRM, Bukit Aman, pada 20 November 2020). Mereka yang terlepas akan masuk semula ke dalam kawasan perairan negara setelah kapal penguat kuasa beredar membawa balik ke pangkalan bot nelayan lain yang ditahan untuk tujuan kes tangkapan (Hafiz, 2017). Selain itu, nelayan asing turut mengubah modus operandi dengan menangkap ikan secara haram pada waktu siang di sekitar 20 batu nautika dari perairan Vietnam bagi memudahkan mereka meloloskan diri apabila berhadapan dengan penguat kuasa. Hal ini jelas menunjukkan bahawa nelayan asing tidak serik dan bukan sahaja tidak takut kepada undang-undang malah mereka semakin berani serta tidak gentar dengan agensi penguat kuasa di laut.

Terdapat juga segelintir rakyat tempatan yang bersekongkol dengan rakyat asing yang memiliki kapal kargo atau menyewa lesen kepada agen bagi mendapatkan keuntungan atas angin (temu bual bersama Pegawai Perikanan, Bahagian Perlindungan Sumber, Jabatan Perikanan Malaysia, Putrajaya, pada 23 November 2020). Pemegang lesen kelas C2 akan menyewakan bot tanpa perlu turun ke laut. Pemegang lesen C2 boleh mengajikan awak-awak warga asing. Bot nelayan tempatan yang menggunakan awak-awak warga asing akan bersekongkol dengan pemilik kapal kargo asing terutama dari Vietnam untuk menarik pukut tunda menggunakan kaedah tunda ganding (dua buah kapal menarik satu pukut) di perairan negara. Kaedah ini selalu digunakan oleh nelayan asing dari Vietnam kerana cara ini mampu menangkap ikan yang banyak. Walau bagaimanapun, teknik yang digunakan ini menyalahi peraturan dan diharamkan penggunaannya oleh Jabatan Perikanan kerana kaedah ini akan memerangkap hasil laut yang belum matang (Prof Dr. Mazlan Abd Ghaffar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti

Malaysia Terengganu (UMT) dalam *Metro Online*, 2019). Penggunaan peralatan menangkap ikan ini dapat memusnahkan ekosistem sumber laut (anak ikan), merosakkan terumbu karang dan merosakkan peralatan perikanan nelayan tempatan (Amin Ridzuan, 2016). Kaedah ini dapat mengaburi pihak penguat kuasa yang lain seperti APMM dan PPM kerana telah menggunakan sebuah bot berlesen tempatan (kelas C2). Apabila kegiatan dikesan, pukot yang ditunda akan dipotong pada kapal kargo tersebut untuk menunjukkan tidak berlaku aktiviti perikanan.

Bot nelayan asing boleh berada berbulan-bulan lamanya di perairan negara kerana mereka mendapatkan stok bekalan minyak dan makanan dari pembekal yang terdiri daripada warga Vietnam (Anon, 2020b). Hasil tangkapan laut akan diserahkan kepada pembekal untuk dibawa pulang ke negara jiran. Ketirisan telah berlaku dalam kalangan nelayan tempatan dan pembekal yang menyeleweng subsidi bahan api yang dikhaskan untuk nelayan tempatan. Penyelewengan ini merugikan kerajaan dan mengakibatkan kerajaan menanggung subsidi untuk nelayan sebanyak RM 1.1 bilion pada tahun 2017. Taktik yang digunakan oleh nelayan tempatan untuk menjual bahan api kepada bot nelayan asing secara pemindahan (*bunkering*) di perairan laut dalam atau sempadan perairan. Aktiviti pembelian bahan api di tengah laut dapat dikesan oleh penguat kuasa kerana terdapat dua buah bot nelayan yang memuatkan 120,000 liter minyak diesel dan sebuah lagi bot sebanyak 20,000 liter juga terdapat peralatan khas menyalurkan minyak (Anon, 2015). Dipercayai bekalan bahan api disalurkan oleh nelayan asing yang menggunakan bot nelayan tempatan dan melakukan aktiviti tersebut di perairan negara.

Menurut Kandau dan Mohd Iskandar (2017), bot nelayan asing begitu licik memalsukan nombor pendaftaran kapal pukot tundanya dan mengecatnya menggunakan warna sama seperti bot nelayan tempatan ketika menceroboh perairan negara. Modus operandi ini berlaku dipercayai dilakukan berdasarkan pengamatan terhadap bot nelayan asing yang terbabit sejak sekian lama melakukan aktiviti menangkap ikan secara haram dalam perairan negara. Taktik ini paling berani dilakukan dengan memalsukan nombor pendaftaran bot nelayan tempatan bagi melindungi kegiatan haram mereka dihidu oleh penguat kuasa. Kegiatan pencerobohan yang dilakukan oleh nelayan asing ini dirancang dengan rapi termasuk penggunaan kapal induk atau kapal kargo yang sedia menunggu di sempadan perairan negara bagi menyeludup keluar hasil laut yang diperolehi daripada bot pukot tunda yang terlibat. Terdapat bot nelayan asing terutamanya Vietnam yang disyaki menggunakan cara pengklonan bot tersebut dengan meletakkan nombor

pendaftaran palsu bot nelayan tempatan (temu bual bersama Pegawai Perikanan, Bahagian Perlindungan Sumber, Jabatan Perikanan Malaysia, Putrajaya, pada 23 November 2020). Hasil tangkapan dan pemeriksaan oleh penguat kuasa telah menjumpai beberapa bongkah nombor pendaftaran bot nelayan tempatan yang dipercayai palsu (Mukhtar, 2019b). Penemuan bongkah-bongkah nombor pendaftaran bot nelayan yang dianggap telah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan dipercayai digunakan untuk ditampal pada badan bot tersebut bagi mengaburi mata penguat kuasa (Mukhtar, 2019b). Bot nelayan asing juga telah dikesan mewarnakan bot dengan warna bot nelayan tempat yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia selain turut mengibarkan bendera negeri dan bendera Malaysia (Anon, 2010). Dalam tangkapan yang dibuat, pihak penguat kuasa telah dapat mengesan bot nelayan asing yang cuba mengaburi penguat kuasa dengan mengibarkan bendera negeri Kelantan dan bendera Malaysia selain mengecat bot mereka dengan warna merah, iaitu warna yang digunakan oleh nelayan Kelantan. Terdapat juga bot nelayan Vietnam yang menyamar dan mengecat bot mereka dengan warna kuning, iaitu warna bagi bot nelayan Pahang (Anon, 2010).

IMPLIKASI PENCEROBOHAN NELAYAN ASING DI PERAIRAN NEGARA TERHADAP KESELAMATAN MARITIM, EKONOMI DAN SOSIAL

Pada hari ini, aspek keselamatan sesebuah negara tidak hanya tertumpu pada keselamatan tradisional sahaja. Keselamatan negara turut merangkumi isu bukan tradisional seperti jenayah rentas sempadan (*transnational crime*) atau JTRS yang melibatkan sindiket dan rasuah. Semua bentuk jenayah ini mampu menggugat tahap keselamatan sesebuah negara sama ada dari aspek ekonomi, sosial dan politik. Isu pencerobohan nelayan asing merupakan isu besar yang memberi impak terhadap ekonomi, alam sekitar, perundangan, keselamatan makanan, pertindihan kawasan maritim, kebajikan rakyat dan sebagainya. Negara kerugian berbilion ringgit dan kehilangan hasil sumber ikan apabila perairannya dicerobohi oleh nelayan negara asing. Kegagalan penguatkuasaan atau pihak berkuasa mengesan dan menangani isu ini pada peringkat akar umbi secara berkesan, dan kelicikan penjenayah akan mengaburi mata pihak berkuasa terhadap perlakuan jenayah yang mereka lakukan dengan cara melakukan aktiviti yang menyalahi undang-undang negara dan mengancam keselamatan dan kedaulatan negara (temu bual bersama Timbalan Pengarah Bahagian Keselamatan dan Kedaulatan

Maritim, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya pada 4 Januari 2021).

Kestabilan sesebuah negara amat penting untuk memberikan jaminan keselamatan kerana negara merupakan suatu simbol atau lambang perlindungan (Kamarulnizam & Shawaluddin, 2002). Maka, keselamatan negara ini akan berhubungan dengan kelangsungan hidup serta mempunyai nilai teras keselamatan negara yang perlu dipertahankan elemennya seperti kedaulatan (*sovereignty*), integriti sempadan (*territorial integrity*) dan kelangsungan hidup (*survival*) (Kamarulnizam & Shawaluddin, 2002). Sekiranya kegiatan ini tidak dibendung dan ditangani dengan bijak, maka sebarang pelanggaran undang-undang dengan melakukan aktiviti haram di kawasan perairan negara boleh menjejaskan nilai teras keselamatan negara dan membolehkannya terus meningkat, dan implikasinya ialah ancaman keselamatan nasional. Menurut Sutarji (2012), selain isu pertikaian sempadan dalam wilayah maritim Malaysia, permasalahan seperti keselamatan pelantar pengeluaran minyak dan gas, rompak di laut, pencerobohan nelayan asing dan PATI juga merupakan isu keselamatan maritim yang bukan berbentuk ancaman tradisional tetapi mempunyai implikasi besar kepada keselamatan nasional.

Asas kedaulatan negara akan terjejas kerana pelanggaran undang-undang negara yang dilakukan oleh nelayan asing yang mencerooboh perairan negara telah membuktikan bahawa mereka tidak menghormati kedaulatan negara yang dilindungi oleh undang-undang yang diterima pakai pada peringkat antarabangsa (Sutarji, 2012). Jika hal ini terus berlaku secara berleluasa, tiada pihak yang akan menghormati undang-undang negara. Imej negara sebagai sebuah negara berdaulat akan terjejas di mata negara lain. Oleh sebab Malaysia mempunyai sempadan perairan yang luas, keadaan ini memudahkan nelayan asing mencerooboh untuk melakukan aktiviti penangkapan ikan secara haram khususnya di perairan Pantai Timur Semenanjung di Laut China Selatan dan telah menimbulkan ancaman terhadap integriti sempadan negara yang berkeupayaan mempertahankan lingkungan daratan dan lautnya (Sutarji, 2012). Kesan faktor ini akan menyumbang kepada integriti persempadanan negara dan pengawalan sempadan yang lemah dalam aspek penguat kuasa oleh pihak-pihak yang telah dipertanggungjawabkan.

Keselamatan maritim dikaitkan juga dengan pembangunan ekonomi dan kestabilan sosial yang sangat penting kepada negara pesisir pantai. Majoriti perdagangan dilakukan melalui laut dan juga sektor perikanan untuk menjana ekonomi negara. Nilai komersil sumber lautan semakin

menjadi bernilai kembali berikutan potensi ekonomi sumber luar pesisir, tenaga fosil (cari gali petroleum dan gas) serta ekonomi pelancongan (Evers, 2017). Selain itu, keselamatan maritim saling berhubung kait dengan keselamatan manusia yang menekankan perolehan makanan, kehidupan dan pekerjaan yang selamat. Memandangkan sektor perikanan merupakan sumber makanan dan pekerjaan yang penting bagi menjana ekonomi, perikanan IUU menjadi satu daripada masalah dan memberi kesan kepada sosial dan ekonomi.

Ancaman keselamatan maritim melibatkan perikanan IUU di Malaysia antara lain termasuklah pencerobohan nelayan asing, pelanggaran syarat lesen, menangkap ikan tanpa kebenaran, menyalahi undang-undang tangkapan dan penggunaan alat dan kaedah penangkapan ikan yang tidak dibenarkan serta merosakkan alam sekitar akibat penangkapan ikan secara haram menyebabkan kemampunan perikanan terjejas. Kegiatan ini memberi kesan kepada ekonomi dan sosial nelayan tempatan dan kepada industri perikanan di Malaysia. Penangkapan ikan yang tidak sah oleh nelayan asing di perairan Malaysia menimbulkan ancaman keselamatan maritim kepada negara dan persaingan yang kuat dan tidak sihat dengan nelayan tempatan. Menangkap ikan secara haram oleh penduduk setempat yang bersekongkol dengan nelayan asing (sindiket) juga menyumbang kepada konflik sosial antara pengendali perikanan berlesen dan awak-awak penangkapan ikan yang tidak berlesen dan antara kapal penangkapan ikan komersil (pukat tunda dan pukat jerut) serta nelayan tradisional (kelas A) (*Malaysia's National Plan of Action to Prevent*).

Kesan utama pencerobohan nelayan asing melakukan aktiviti penangkapan ikan secara haram ini mendatangkan kerugian dari segi ekonomi dan sosial yang teruk dengan kerosakan yang ditimbulkan kepada masyarakat maritim pesisir dan nelayan perikanan berskala kecil. Ekonomi terkesan disebabkan oleh penangkapan ikan secara berlebihan oleh nelayan asing sehingga menyebabkan stok ikan dan biodiversiti laut menyusut serta mewujudkan kerosakan yang besar kepada ekosistem laut.

Sektor perikanan di Malaysia menyumbang sebanyak 0.9% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi tahun 2018 atau bersamaan RM12.39 bilion, iaitu 0.6% adalah daripada sektor perikanan laut (Azmad, 2020). Walaupun sumbangan sektor perikanan kepada KDNK kelihatan kecil, namun sektor ini merupakan nadi penting pekerjaan dan pendapatan bagi lebih 100,000 orang di Malaysia, terutamanya perikanan laut dalam (Azmad, 2020). Oleh itu, pendapatan nelayan adalah berkadar terus dengan hasil pendaratan ikan yang mereka peroleh.

Mengikut statistik Jabatan Perikanan Malaysia, jumlah pendaratan ikan seluruh Malaysia pada tahun 2017 adalah sebanyak 1.465 juta tan metrik, iaitu hasil pendaratan ikan di Pantai Timur Semenanjung adalah sebanyak 401.9 ribu tan metrik sahaja. Berdasarkan jumlah tersebut tidak semua pendaratan ikan ini diisytiharkan kepada Jabatan perikanan melalui LKIM. Bagi jumlah pendaratan ikan yang diisytiharkan kepada LKIM sebanyak 851,217 tan metrik dengan nilai RM2.52 bilion sahaja sepanjang tahun 2017. Berdasarkan jumlah tersebut, perikanan laut dalam bagi vesel zon C dan C2 boleh mencapai pendapatan bulanan dalam purata RM33,960 hingga RM38,388 (Perangkaan Perikanan, 2017).

Akibat pencerobohan oleh nelayan asing yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan secara haram ini, negara telah mengalami kerugian sehingga RM6 bilion (AS\$1.45 bilion) setahun (*Sinar Harian Online*, 2019). Sebanyak 980 ribu tan metrik ikan telah dicuri di perairan Malaysia terutamanya di perairan Pantai Timur Semenanjung oleh nelayan asing dari negara Thailand, Vietnam dan Indonesia. Dianggarkan hanya 50% sahaja ikan yang ditangkap di perairan Malaysia didaratkan dan selebihnya tidak dilaporkan disebabkan oleh pencerobohan nelayan asing di perairan Malaysia (Majid, 2017). Keadaan ini memberi kesan terhadap ekonomi negara dan mempengaruhi kehidupan nelayan tempatan.

Kesan sosial terhadap nelayan tempatan akibat aktiviti perikanan IUU akan menyumbang kemiskinan kepada nelayan pesisir pantai. Pencerobohan nelayan asing secara berleluasa menyebabkan berlakunya kekurangan sumber ikan dan menjejaskan pendapatan nelayan tempatan dan merosot (Anon, 2019d). Pendapatan nelayan tempatan terjejas dan hasil jualan nelayan yang berkurangan akan menyebabkan kehilangan pendapatan isi rumah (Sumaila & Konar, 2019). Ada dalam kalangan masyarakat nelayan yang mencari pendapatan dan bergantung hidup sebagai nelayan terpaksa mencari pekerjaan lain atau terpaksa menganggur kerana pendapatan mereka bergantung sepenuhnya sebagai nelayan telah terjejas (Akhbar Ali & Nor Diyana, 2009). Untuk perikanan laut dalam, pemain industri tidak memainkan peranan untuk menarik minat nelayan tempatan terutamanya dalam kalangan anak muda untuk meneroka laut dalam yang dapat memberikan hasil lumayan. Malah, pekerjaan ini tidak mendapat sambutan daripada nelayan tempatan sebaliknya memberi peluang kepada warga asing dari negara jiran untuk bekerja di atas bot nelayan tempatan laut dalam. Pemilik bot tempatan lebih gemar menggaji awak-awak warga asing bagi membantu mereka dan ini menyebabkan kebanjiran pekerja warga asing yang menjadi awak-awak di bot nelayan tempatan (Jupiter, 2019).

Kesan terhadap pengambilan tekong dan awak-awak warga asing bekerja di bot nelayan tempatan menyebabkan berlakunya aktiviti perikanan IUU, iaitu hasil laut tidak didaratkan dalam perairan yang dibenarkan, penjualan minyak (*bunkering*), tidak membayar cukai pelabuhan, kehilangan hasil cukai dan berlakunya pemindahan hasil laut ke kapal lain di tengah laut (*transshipment*).

Implikasinya, wujudlah masalah sosial dalam kalangan masyarakat nelayan akibat pencerobohan nelayan asing ini. Keadaan ini memberi ruang dan peluang kepada ejen untuk memanipulasi pemilik bot tempatan laut dalam untuk mendapatkan keuntungan atas angin. Modal yang dikeluarkan oleh pemilik bot laut dalam terlalu tinggi dan berkemungkinan bot yang keluar akan mendapat hasil yang lebih daripada modal yang dikeluarkan. Oleh itu, pemilik bot laut dalam ini akan tertarik secara mudah atau terpaksa untuk menjual lesen bot berkenaan kepada ejen (temu bual bersama Pegawai Penguatkuasa Perikanan, Bahagian Perlindungan Sumber, Jabatan Perikanan Malaysia, Putrajaya, pada 23 November 2020). Selain itu, dengan peningkatan masalah sosial ini disebabkan oleh tiada sumber pendapatan akan mengakibatkan berlakunya jenayah seperti kecurian, rompakan dan jenayah keganasan. Dari sudut kesihatan rakyat, keadaan ini membawa kepada permasalahan dari segi kebersihan kerana pekerja warga asing yang bekerja di bot nelayan tempatan atau nelayan asing yang memasuki perairan negara mendedahkan agensi penguat kuasa atau rakyat terhadap risiko penyakit berjangkit serta penggunaan barang yang tercemar dan membahayakan kesihatan.

PENAMBAHBAIKAN BAGI MENGATASI PENCEROBOHAN NELAYAN ASING

Terdapat beberapa kekurangan yang perlu dibuat penambahbaikan yang mengakibatkan kelemahan pada dasar, perundangan dan prosedur operasi sedia ada oleh agensi penguatkuasaan supaya negara dapat mengawal dan menangani isu berkaitan dengan pencerobohan nelayan asing secara khususnya dan jenayah rentas sempadan secara amnya. Oleh itu, beberapa cadangan penambahbaikan adalah seperti yang berikut:

1. Kerajaan perlu memberi kesedaran kepada masyarakat (nelayan Malaysia) melalui kempen bagi menjelaskan perkara melibatkan kedaulatan Malaysia, melindungi perairan daripada dicerobohi oleh nelayan asing yang mengaut hasil laut negara.

2. Kerajaan perlu menarik minat dalam kalangan nelayan atau generasi muda dengan memperkenalkan konsep transformasi perikanan kepada semua pihak dan pengusaha perikanan (pemain industri), iaitu dengan menyediakan platform menaik taraf bot nelayan Malaysia daripada kayu kepada besi yang lebih lengkap dan selesa mengikut syarat yang ditetapkan oleh kesatuan Eropah (EU).
3. Menaikkan lagi kadar hukuman denda dan penjara yang dikenakan kepada nelayan asing dengan lebih berat dan setimpal lagi. Pindaan undang-undang di bawah Akta Perikanan 1985 yang diluluskan pada 2019 telah menetapkan hukuman denda maksimum dan penjara, malah tidak memberi kesan dan pengajaran kepada mereka kerana denda yang dikenakan kepada nelayan asing yang ditahan mampu untuk dibayar oleh ejen yang menguruskannya.
4. Cadangan hukuman sebatan kepada nelayan asing yang menceroboh dan menangkap ikan dalam perairan Malaysia. Selain dikenakan denda, penjara dan lucut hak terhadap bot nelayan tersebut. Hukuman ini dilihat dapat menakutkan nelayan asing.
5. Kerajaan perlu menyediakan lebih banyak kapal ronda terutama di perairan Pantai Timur Semenanjung dengan menempatkannya di lokasi-lokasi strategik atau *hot spot*. Kapal ronda perlulah berkeupayaan untuk menjalankan rondaan pada jangka masa yang lama dan mempunyai peralatan teknologi yang canggih bagi mengesan nelayan asing di kawasan laut dalam.
6. Perlu ada kejar buru (*hot pursuit*) nelayan asing yang menceroboh sempadan perairan negara (Fasal 111 KUULA 1982).

KESIMPULAN

Secara rumusannya, pencerobohan nelayan asing di perairan negara disebabkan oleh aktiviti perikanan IUU, iaitu penangkapan ikan secara haram, tidak dilaporkan dan tidak terkawal. Ketiga-tiga aktiviti perikanan IUU ini menyalahi dan melanggar undang-undang perikanan yang berlaku di kawasan perairan wilayah atau ZEE negara. Perairan negara yang luas khususnya di Pantai Timur Semenanjung telah menjadi tumpuan utama nelayan asing terutama dari Vietnam untuk menceroboh masuk bagi mengaut hasil kekayaan sumber perikanan negara. Malaysia sebagai

sebuah negara pesisir mempunyai hak kedaulatan terhadap sumber-sumber hidupan laut dari pesisir pantai sehingga ke 200 batu nautika ZEE.

Faktor lain disebabkan oleh sumber perikanan negara dieksploitasi oleh nelayan asing terutamanya dari Vietnam kerana kekurangan sumber hasil laut di Teluk Siam yang telah pupus disebabkan oleh penerokaan oleh nelayan Vietnam secara tidak efisien dan tadbir urus yang tidak cekap oleh kerajaan Vietnam. Organisasi terancang dan mempunyai jaringan di dalam dan luar negara dapat melancarkan proses dalam setiap rantaian yang membuka ruang dan peluang kepada anggota penguat kuasa untuk terlibat dalam sindiket jenayah terancang ini. Modus operandi yang sukar dikesan merupakan satu kemahiran yang di perlukan oleh sindiket jenayah terancang untuk memastikan perairan negara dapat dicerobohi untuk melakukan aktiviti perikanan IUU. Antara modus operandi yang digunakan oleh nelayan asing untuk menceroboh perairan negara adalah ketika musim tengkujuh kerana tiada agensi penguat kuasa atau nelayan tempatan yang berada di laut atas faktor keselamatan

Implikasi aktiviti perikanan IUU ini menimbulkan ancaman terhadap integriti sempadan dan kedaulatan negara. Ancaman keselamatan maritim ini juga menimbulkan konflik sosial dalam kalangan pemilik bot, tekong dan awak-awak kerana wujud persaingan yang tidak sihat dengan nelayan tempatan. Kesan terhadap ekonomi dalam aktiviti perikanan IUU telah merugikan hasil pendapatan negara kerana aktiviti ini tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Kesan terhadap sosial pula memberi impak yang besar kepada nelayan tempatan kerana menjejaskan pendapatan mereka apabila tidak dapat turun ke laut disebabkan berasa terancam dengan kehadiran nelayan asing. Peningkatan jenayah dalam kalangan nelayan tempatan yang tiada pekerjaan dan penyebaran penyakit berjangkit oleh nelayan asing juga akan memberi kesan sosial kepada masyarakat maritim.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

RUJUKAN

- Akhbar Ali, A. & Nur Diyana, S. (2009). Analisis faktor yang mempengaruhi hasil tangkapan ikan: Kajian kes di perairan Sabak Bernam, Selangor. *Prosiding PERKEM IV* (Jilid 1), hlm, 286-304.
- Akta Laut Wilayah 2012 (Akta 750)
- Akta Perikanan 1985 (Akta 317)
- Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 (Akta 311)
- Amin Ridzuan Ishak. (2016). Rakyat tempatan bersekongkol curi hasil laut negara. *Berita Harian Online*, 8 Oktober 2016. <https://www.bharian.com.my/node/199965> [diakses pada 10 Ogos 2019]
- Anon. (2010). Nelayan Asing dikesan guna modus operandi baru. *Mstar Online*, 13 Januari 2010. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2010/01/13/nelayan-asing-dikesan-guna-modus-operandi-baru/#9JjkGjZKLTpImzH9.99> [diakses pada 10 Ogos 2019]
- Anon. (2015). 42 nelayan asing beli minyak ditahan. *Sinar Harian Online*, 12 April 2015. <https://www.sinarharian.com.my/politik/42-nelayan-asing-beli-minyak-ditahan-1.379009> [diakses pada 10 Ogos 2019]
- Anon. (2016). Tengkujuh musim nelayan asing ceroboh perairan negara. *Utusan Borneo Online*, 11 Oktober 2016. <https://www.utusanborneo.com.my/2016/10/11/tengkujuh-musim-nelayan-asing-ceroboh-perairan-negara>. [diakses pada 10 Ogos 2019]
- Anon. (2019b). Tangani segera kes pencerobohan nelayan asing, (25 Jan 2019) <https://www.sinarharian.com.my/article/9659/BERITA/Nasional/Tangani-segera-kes-pencerobohan-nelayan-asing> . [diakses pada 25 Ogos 2019].
- Anon. (2019d). Nelayan asing 'curi ikan' Malaysia. *Seribu Ombak Online*, 26 April 2019. <https://seribuombak.wordpress.com/2019/04/26/nelayan-asing-curi-ikan-malaysia/> [diakses pada 10 Februari 2021].
- Arnakim, L & Shabrina, N. (2019). *Indonesia and counter illegal, unreported, and unregulated (IUU) Fishing in Southeast Asia*. Faculty of Humanities, Universitas Bina Nusantara, Jakarta, Indonesia. DOI: 10.4108/eai.26-1-2019.2283131.
- Azmadi Samsuddin. (2020). Cabaran industri perikanan abad ke-21. *The Centre Online*. 7 Februari 2020. Reserach and advocacy of progressive and pragmatic policy ideas. <https://www.centre.my/post/cabaran-industri-perikanan>. [diakses pada 16 Februari 2021].
- Evers, H. D. (2017). *Menghubungkan lautan: Malaysia sebagai negara maritime. Negara – negara maritime dan potensi maritim mereka*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ezzuan Ahmad. (2017). Pencerobohan nelayan asing makin ketara. *Utusan Online*, 12 Julai 2017. <https://www.utusan.com.my/berita/wilayah/terengganu/>

- penceroobohon-nelayan-asing-makin-ketara-1.502113. [diakses pada 10 Julai 2019].
- Hafiz Aziz, Ilah. (2017). Industri perikanan negara dicemari rasuah. *Berita Harian Online*, 05 November 2017. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/11/347009/industri-perikanan-negara-dicemari-rasuah>. [diakses pada 12 Julai 2019]
- Jupiter, H. (2019). Awak-awak Warga asing punca anak muda kurang sertai industri perikanan?. *Apakataorang Online*, 28 Januari 2019. <https://apakataorang.com/awak-awak-warga-asing-punca-anak-muda-kurang-sertai-industri-perikanan/>. [diakses pada 10 Februari 2021].
- Kamarulnizam Abdullah & Shawaluddin Hassan. (2002). The Security Implications of Illegal Immigrants in Sabah. SSIR Occasional paper 14/20, hlm 13. UPSK, UKM.
- Kandau Sidi & Mohd Iskandar Ibrahim. (2017). Nelayan asing tak takut penguat kuasa. *Berita Harian Online*, 29 Julai 2017. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/07/306713/nelayan-asing-tak-takut-penguat-kuasa>. [diakses pada 10 Ogos 2019].
- Kandau Sidi. (2018). Nelayan asing mampu ramal kehadiran pihak berkuasa". *Berita Harian Online*, 14 Jun 2018. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/06/437888/nelayan-asing-mampu-ramal-kehadiran-pihak-berkuasa>. [diakses pada 10 Ogos 2019]
- Ku Kassim, K.Y., Ahmad, A. & Mahyam, M.I. (2007). *Keadaan laut perairan Semenanjung Malaysia untuk panduan nelayan*. Departemen Penyelidikan dan Pengurusan Sumber Perikanan Marin, Jabatan Perikanan Malaysia. 26 ms. ISBN 10: 983-9114-27-1 ISBN 13: 978-983-9114-27-0.
- McDorman, Ted L. & Tasneeyanond, Panat. (1987). Increasing problems for Thailand's fisheries. Malaysia's new fisheries law. *Marine Policy*, 11(3), 205-216. DOI: 10.1016/0308-597X (87)90057-1, ISSN: 0308597X.
- Mohammad Raduan Mohd Ariff, Mohammad Sharir, Ismail Ali, Mazlan Majid & Hanafi Hussin. (2011, December). The development of fishing industry in Peninsula Malaysia: Issues and questions". *Jati*, 16, 265-299
- Mohd Hazrizal Mohd Hanapiah. (2019). Ikan Kita Milik Orang Asing. *Sinar Harian Online*, 24 Julai 2019. <https://www.sinarharian.com.my/article/39529/Analisis-Sinar/Ikan-kita-milik-orang-asing>. [diakses pada 10 Ogos 2019].
- Mohd Nasaruddin Parzi. (2019). Akta hukuman nelayan asing lebih berat. *Berita Harian Online*, 09 Julai 2019. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/582861/akta-hukum-nelayan-asing-lebih-berat>. [diakses pada 07 Ogos 2019]
- Mukhtar A. Rahman. (2019a). Musim candat sotong undang lebih banyak penceroobohan nelayan Vietnam. *Utusan Online*, 03 Mac 2019. <https://www.utusan.com.my/berita/wilayah/musim-candat-sotong-undang-lebih-banyak-penceroobohan-nelayan-vietnam-1.853011>. [diakses pada 10 Ogos 2019].

- Mukhtar A. Rahman. (2019b). Maritim Malaysia tahan bot nelayan Vietnam di perairan Kemaman. *Kosmo Online*, 26 Ogos 2019. <https://www.kosmo.com.my/negara/maritim-malaysia-tahan-bot-nelayan-vietnam-di-perairan-kemaman-1.960561> [diakses pada 7 September 2019].
- Noorsila Abdul Majid. (2017). Malaysia loses RM6b annually due to illegal fishing in South China Sea. *New Strait Times online*, 19 Jun 2017, available at <https://www.nst.com.my/news/nation/2017/06/250427/malaysia-loses-rm6b-annually-due-illegal-fishingsouth-china-sea> [diakses pada 16 Februari 2021].
- Norfina Saad. (1996). Konvensyen undang-undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu 1982 dan Akta Perikanan 1985 – satu penjelasan. In Ti Teow Chuan, Mustapha Othman dan Shirley Fung (Ed), *Development and Management of Fisheries Resources in Malaysia*. Institute for Development Studies (Sabah).
- Norizuan Shamsuddin. (2019). Pegawai maritim Malaysia tidak mengaku terima rasuah. *Berita Harian Online*, 11 Julai 2019. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/07/583859/pegawai-maritim-malaysia-tidak-mengaku-terima-rasuah>. [diakses pada 10 Ogos 2019]
- Ojamaa, P. (2018). Research for PECH Committee - Fisheries in Vietnam. Policy Department for Structural and Cohesion Policies Directorate-General for Internal Policies PE 629.175, Oktober 2018. Online, [http://www.europarl.europa.eu/RegData/etudes/STUD/2018/629175/IPOL_STU\(2018\)629175_EN.pdf](http://www.europarl.europa.eu/RegData/etudes/STUD/2018/629175/IPOL_STU(2018)629175_EN.pdf). [diakses pada 10 September 2019]
- Puspoyu, E. S., & Setyowati, P. J. (2018). Illegal, Unreported, and Unregulated Fishing as Transnational Organized Crimes. In *SHS Web of Conferences* (Vol. 54, p. 05003). EDP Sciences.
- Rosello, M. (2016). Illegal, unreported and unregulated fishing control in the Exclusive Economic Zone: A brief appraisal of regulatory deficits and accountability strategies. 2016. Volume 22, Issue 75, page 39-68, DOI 10.1515/cirr-2016-0002.
- Rosli Ilham. (2019). Nelayan Vietnam kaut ikan gred A ditahan. *Harian Metro Online*, 18 Januari 2019. <https://www.msn.com/en-my/news/national/nelayan-vietnam-kaut-ikan-gred-a-ditahan/ar-BBSpBZx>. [diakses pada 10 Ogos 2019].
- Suhaimi Taib. (2019a). Pencerobohan nelayan Vietnam: Apa kesannya lawatan PM? *Teganukita Online*, 04 September 2019. <https://www.teganukita.net/2019/09/pencerobohan-nelayan-vietnam-apa.html>. [diakses pada 10 September 2019]
- Suhaimi Taib. (2019b). Keselamatan Pekerja Pelantar Minyak Terengganu Terancam. *teganukita Online*, 28 April 2019. <https://www.teganukita.net/2019/04/keselamatan-pekerja-pelantar-minyak.html>. [diakses pada 10 September 2019]

- Sumaila, U. Rashid & Konar, M. (2019). Illicit Trade in Marine Resources Keeps Billions out of Pacific Economies Every Year. 16 Disember 2019. World Resources Institute. <https://www.wri.org/blog/2019/12/illicit-trade-marine-resources-keeps-billions-out-pacific-economies-every-year> [diakses pada 17 September 2020]
- Sutarji Kasmin. (2012). Isu keselamatan bukan tradisional wilayah maritim dan cabaran meningkatkan keselamatan nasional. Dalam Kamarulnizam Abdullah (Ed.), *Keselamatan Nasional Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tsamenyi, M. & Hanich, Q. (2008). Addressing Corruption in Pacific Islands Fisheries: A report prepared for the IUCN PROFISH Law Enforcement, Corruption and Fisheries Project. Online, 1 Februari 2008. <http://www.iucn.org/>. [diakses pada 12 Julai 2019]
- VathaniPanirchellvum. (2019). Malaysia rugi 6 billion ringgit kerana pencerobohan nelayan asing. *Berita Benar Online*, 24 April 2019. <https://www.benarnews.org/malay/berita/my-vietnam-maritim-190424-04242019125945.html> [diakses pada 07 Julai 2019].